



LEMBAGA JURUUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458)]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 6 JLD. 10 / (9)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

25 Julai 2025

29 Muharam 1447H

Semua Juruukur Kerajaan dan Pensyarah Institusi Pengajian Tinggi,

YBhg. Dato' LSr / LSr Dr. / Tuan LSr / Puan LSr / Tuan / Puan,

PEKELILING LEMBAGA JURUUKUR TANAH MALAYSIA BILANGAN 3 TAHUN 2025

PROSEDUR LALUAN KERJAYA SEBAGAI JURUUKUR TANAH BERDAFTAR BAGI JURUUKUR KERAJAAN DAN PENSYARAH

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan berkenaan prosedur laluan kerjaya sebagai Juruukur Tanah Berdaftar dengan Lembaga Juruukur Tanah Malaysia (LJT) bagi juruukur Kerajaan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) atau lain-lain agensi Kerajaan dan Badan Berkanun termasuk pensyarah di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau mana-mana institusi yang diiktiraf LJT selaras dengan Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 [Akta 458], Akta Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 [Akta A1730] dan Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 [P.U. (A) 309 / 2024].

2. LATAR BELAKANG


2.1 Seorang juruukur Kerajaan atau Pensyarah yang ingin mendaftar sebagai Juruukur Tanah Berdaftar dengan LJT hendaklah mengikut prosedur selaras dengan akta dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa. Dalam hal ini, rujukan dibuat kepada seksyen 2 Akta A1730 yang memperuntukkan seperti berikut:

“Government Surveyor” means any public officer of Malaysia who is authorized by the Director General of Survey and Mapping Malaysia to undertake any title survey or geomatics survey, and for the purposes of section 8, 9 and 10 and paragraph 19(a), includes the Director General of Survey and Mapping.

2.2 Dalam hubungan ini, LJT telah bersetuju untuk mengiktiraf para juruukur Kerajaan dan Pensyarah ini dengan mengambilkira pengalaman dan kelayakan kerja terutamanya yang berkaitan dengan ukur hakmilik, ukur geomatik dan juga lain-lain aktiviti yang dilaksanakan di Jabatan atau Institusi berkaitan.

3. PROSEDUR LALUAN KERJAYA SEBAGAI JURUUKUR TANAH BERDAFTAR BAGI JURUUKUR KERAJAAN DAN PENSYARAH

Ringkasan prosedur laluan adalah seperti berikut:



Rajah 1: Ringkasan prosedur laluan kerjaya sebagai Juruukur Tanah Berdaftar bagi Juruukur Kerajaan dan Pensyarah

3.1 Pendaftaran Artikel

- 3.1.1 Seorang juruukur Kerajaan atau pensyarah yang berhasrat untuk membuat pendaftaran sebagai orang berartikel di bawah Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia (KPUP) adalah tertakluk kepada subperaturan 15A P.U. (A) 309 / 2024 dan hendaklah memenuhi syarat-syarat permohonan seperti berikut:

“Pendaftaran Juruukur Kerajaan sebagai orang berartikel

Peraturan 15A: Seseorang juruukur Kerajaan yang telah berkhidmat dalam bidang ukur tanah atau ukur geomatik untuk sekurang-kurangnya dua tahun boleh membuat permohonan kepada Lembaga untuk didaftarkan sebagai orang berartikel dengan syarat permohonannya untuk berdaftar di bawah subseksyen 9(1) Akta telah disokong dengan perakuan daripada Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan bahawa juruukur Kerajaan itu adalah seorang yang sesuai dan layak untuk didaftarkan dengan Lembaga.”

- 3.1.2 Berkhidmat sekurang-kurangnya **selama dua (2) tahun** dalam bidang ukur tanah atau geomatik dan telah disahkan jawatan;
- 3.1.3 Memenuhi syarat permohonan untuk berdaftar dibawah subseksyen 9(1) Akta 458 dan mempunyai kelayakan sepertimana diperuntukkan dalam Jadual Ketujuh P.U. (A) 309 / 2024; dan
- 3.1.4 Mengemukakan Borang Pendaftaran Artikel, **Borang JUP – LJT 1** yang telah diperakui oleh KPUP melalui Ibu Pejabat JUPEM bersama-sama dengan dokumen-dokumen sokongan yang telah diakui sah serta salinan bukti pembayaran fi pendaftaran sebanyak RM100.00 kepada LJT seperti yang diperuntukkan dalam Jadual Kedua P.U. (A) 309 / 2024.

3.2 Latihan untuk Orang Berartikel

- 3.2.1 Seorang juruukur Kerajaan atau pensyarah yang telah berartikel hendaklah melaksanakan latihan dan mengemukakan suatu pernyataan seperti borang yang telah ditetapkan dalam Jadual Kelapan P.U. (A) 309 / 2024 yang dikeluarkan oleh KPUP.

3.2.2 Peraturan-peraturan yang berkaitan dengan latihan untuk orang berartikel adalah seperti berikut:

“Latihan untuk Orang Berartikel

Peraturan 16 (1): *Tiap-tiap orang yang berartikel hendaklah melaksanakan latihan seperti berikut:*

- (a) *dua belas (12) bulan latihan ukur hakmilik; dan*
- (b) *dua belas (12) bulan latihan ukur geomatik*

Peraturan 16 (4): *Lembaga boleh menerima pengalaman dalam ukur hakmilik dan ukur geomatik yang diperoleh oleh seseorang orang berartikel yang mempunyai pengalaman sebagai seorang juruukur Kerajaan atau seorang pensyarah dimana-mana universiti atau institusi yang diiktiraf oleh Lembaga dengan syarat bahawa pengalaman itu diperakui oleh suatu pernyataan latihan dalam borang sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kelapan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan.*

Peraturan 16 (5): *Setelah mempertimbangkan subperaturan (4), Lembaga boleh menentukan tempoh latihan untuk orang berartikel yang mempunyai pengalaman sebagai seorang juruukur Kerajaan atau seorang pensyarah di mana-mana universiti atau institusi yang diiktiraf oleh Lembaga.”*

3.3 Peperiksaan Bahagian I – Pengemukaan Tugas Amali atau Menghadiri Kursus

3.3.1 Bagi Peperiksaan Bahagian I – iaitu pengemukaan tugas amali atau kehadiran ke kursus, LJT bersetuju untuk mengiktiraf pengalaman kerja pegawai dalam perkhidmatan sebagai juruukur Kerajaan termasuk pensyarah. Pengalaman kerja ini boleh diiktiraf sebagai syarat pengecualian daripada menduduki Peperiksaan Bahagian I bagi tujuan pendaftaran sebagai Juruukur Tanah Berdaftar dengan LJT, selaras dengan *Akta A1730 dan P.U. (A) 309 / 2024.*

“Peperiksaan

Peraturan 19 (1): *Peperiksaan hendaklah mengandungi –*

- (a) *Bahagian I – pengemukaan tugas amali atau menghadiri kursus;*

Peraturan 19 (2): Walau apa pun perenggan (1) (a), Lembaga boleh menentukan takat peperiksaan dalam Bahagian I peperiksaan berdasarkan kelayakan dan pengalaman yang diperoleh oleh seseorang.

Peraturan 19 (3): Lembaga hendaklah menentukan sukatan mata pelajaran bagi Bahagian I, II dan III peperiksaan dalam garis panduannya.”

“Kelayakan

Peraturan 20 (2): Seseorang orang berartikel boleh mengemukakan tugas amali atau menghadiri kursus bagi maksud Bahagian I peperiksaan selaras dengan garis panduan di bawah subperaturan 19(3).

Peraturan 20 (3): Sebelum pengemukaan tugas amali atau menghadiri kursus di bawah Bahagian I peperiksaan, Lembaga boleh menghendaki orang berartikel itu untuk membuktikan bahawa –

(a) dia telah mematuhi kehendak Lembaga semasa tempoh Artikelnya; atau

(b) dia telah memperoleh pengalaman sebagaimana yang boleh dikehendaki oleh Lembaga.”

3.3.2 Syarat Permohonan Pengiktirafan Pengalaman Kerja

Juruukur Kerajaan atau Pensyarah yang sedang berkhidmat dan berhasrat untuk mendapatkan pengiktirafan pengalaman kerja hendaklah memenuhi syarat-syarat permohonan seperti berikut:

- (a) Berkhidmat sekurang-kurangnya selama **sepuluh (10) tahun** sebagai juruukur Kerajaan atau pensyarah di IPTA atau mana-mana institusi yang diiktiraf LJT;
- (b) Hendaklah mempunyai rekod prestasi yang baik dan cemerlang sepanjang tempoh perkhidmatan;
- (c) Telah mendaftar sebagai orang berartikel di bawah KPUP;
- (d) Juruukur Kerajaan perlu mendapat sokongan Ketua Jabatan dan perakuan KPUP;

- (e) Bagi pensyarah perlu mendapat sokongan Dekan atau Ketua Jabatan dan perakuan KPUP;
- (f) Mengemukakan borang permohonan yang disahkan oleh Dekan / Ketua Jabatan seperti di **JUP – Borang A** bagi juruukur Kerajaan atau **JUP – Borang B** bagi pensyarah serta pernyataan latihan seperti di Jadual Kelapan *P.U. (A) 309 / 2024* kepada Ibu Pejabat JUPEM untuk dihantar kepada LJT;
- (g) Lulus peperiksaan Bahagian II – Peperiksaan Amalan Kadaster dan Ukur Geomatik; dan
- (h) Lembaga boleh mengenakan apa-apa syarat lain jika perlu.

3.3.3 Syarat Pengiktirafan Pengalaman Kerja

3.3.3.1 Juruukur Kerajaan yang telah memenuhi syarat yang dinyatakan di para 3.3.2, hendaklah juga memenuhi salah satu syarat berikut bagi melayakkan mereka menerima pengiktirafan atas pengalaman kerja:

(a) Syarat Pertama

Mempunyai sekurang-kurangnya **dua (2) tahun** pengalaman kerja sebagai Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri / Pengarah Ukur Bahagian di JUPEM atau setara.

ATAU

(b) Syarat Kedua

Mempunyai sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** pengalaman kerja sebagai Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri / Timbalan Pengarah Ukur Bahagian di JUPEM atau setara.

ATAU

(c) Syarat Ketiga

Mempunyai sekurang-kurangnya **sepuluh (10) tahun** pengalaman kerja di JUPEM atau setara di bawah skim perkhidmatan Juruukur atau Jurugeospacial.

ATAU

(d) Syarat Keempat

Mempunyai sekurang-kurangnya **lima belas (15) tahun** pengalaman kerja di JUPEM atau setara di bawah kombinasi skim perkhidmatan juruukur dan skim perkhidmatan penolong juruukur.

ATAU

(e) Syarat Kelima

Mempunyai sekurang-kurangnya **dua puluh (20) tahun** pengalaman kerja di JUPEM atau setara di bawah skim perkhidmatan penolong juruukur dengan syarat mempunyai Ijazah Sarjana Muda (*Degree / Bachelor*) dalam bidang ukur tanah atau geomatik.

3.3.3.2 Pensyarah yang telah memenuhi syarat yang dinyatakan di para 3.3.2, hendaklah juga memenuhi salah satu syarat berikut bagi melayakkan mereka menerima pengiktirafan atas pengalaman kerja:

- (a) Mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana Muda (*Degree / Bachelor*) dalam bidang ukur tanah atau geomatik dan telah berkhidmat sebagai pensyarah sekurang-kurangnya **lima belas (15) tahun** di IPTA atau mana-mana institusi yang diiktiraf Lembaga serta telah memenuhi syarat di bawah subseksyen 9 (1) *Akta 458*; atau
- (b) Mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana (*Master*) dalam bidang ukur tanah atau geomatik dan telah berkhidmat sebagai pensyarah sekurang-kurangnya **tiga belas tahun (13) tahun** di IPTA atau mana-mana institusi yang diiktiraf LJT serta telah memenuhi syarat di bawah subseksyen 9 (1) *Akta 458*; atau
- (c) Mempunyai kelayakan Doktor Falsafah (*PhD*) dalam bidang ukur tanah atau geomatik dan telah berkhidmat sebagai pensyarah sekurang-kurangnya **sepuluh (10) tahun** di IPTA atau mana-mana institusi yang diiktiraf LJT serta telah memenuhi syarat di bawah subseksyen 9 (1) *Akta 458*; dan

- (d) Menghadiri sesi interviu khas yang ditetapkan oleh JUPEM.

3.4 Peperiksaan Bahagian II – Peperiksaan Bertulis dalam Amalan Kadaster dan Ukur Geomatik

Seorang juruukur Kerajaan atau pensyarah yang telah mendaftar sebagai orang berartikel dan berhasrat untuk menduduki Peperiksaan Bahagian II hendaklah membuat permohonan kepada Ibu Pejabat JUPEM bagi mendapatkan surat perakuan daripada KPUP dengan mengemukakan borang yang telah ditetapkan oleh LJT berserta dengan salinan bukti pembayaran fi sebanyak RM200.00 kepada LJT seperti yang diperuntukkan dalam Jadual Kesepuluh *P.U. (A) 309 / 2024*.

“Peperiksaan

Peraturan 19 (1): Peperiksaan hendaklah mengandungi –

- (b) *Bahagian II – peperiksaan bertulis dalam amalan kadaster dan ukur geomatik; dan*

Kelayakan

Peraturan 20 (4): Tiada seorang pun layak menduduki Bahagian II peperiksaan melainkan dia adalah seorang –

- (b) *seorang juruukur Kerajaan yang telah didaftarkan sebagai orang berartikel; atau*

(c) *seorang orang berartikel yang bekerja sebagai pensyarah dengan sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman di mana-mana institusi pengajian tinggi di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30], Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [Akta 173], atau mana-mana institusi yang diiktiraf Lembaga.*

Peraturan 22 (2): Seorang orang berartikel yang berhasrat untuk menduduki Bahagian II peperiksaan hendaklah mengemukakan suatu perakuan perkhidmatan dalam borang sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kesebelas daripada juruukur tanah berlesen yang dengannya dia berkhidmat di bawah Artikel atau suatu surat perakuan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan.”

3.5 Peperiksaan Bahagian III – Peperiksaan Lisan

Seorang juruukur Kerajaan atau pensyarah yang telah lulus peperiksaan Bahagian I dan II adalah layak untuk menduduki peperiksaan Bahagian III iaitu Peperiksaan Lisan (*Viva Voce*) dan boleh membuat permohonan melalui LJT berserta fi peperiksaan sebanyak RM400.00 seperti yang diperuntukkan dalam Jadual Kesepuluh *P.U. (A) 309 / 2024*.

“Peraturan 19 (1): Peperiksaan hendaklah mengandungi –

(c) *Bahagian III – Peperiksaan Lisan*

Peraturan 20 (5): Seseorang itu adalah layak untuk menduduki Bahagian III peperiksaan selepas satu bulan dikreditkan lulus bagi Bahagian I dan II peperiksaan.”

3.6 Pembatalan Artikel

Seorang juruukur Kerajaan atau pensyarah yang telah lulus kesemua peperiksaan Bahagian I, II dan III hendaklah membuat pembatalan artikel bagi tujuan pendaftaran sebagai Juruukur Tanah Berdaftar dengan LJT. Pegawai / Pensyarah tersebut hendaklah mengemukakan **Borang JUP – LJT 2** kepada Ibu Pejabat JUPEM untuk dihantar kepada Lembaga.

“Pendaftaran dan Pembatalan Artikel

Peraturan 15 (3): Mana-mana pihak boleh membatalkan Artikel dengan memberikan notis secara bertulis kepada pihak satu lagi dalam tempoh sekurang-kurangnya empat belas hari dan pada masa yang sama pihak itu hendaklah memaklumkan kepada Lembaga berkenaan dengan pembatalan itu.

Peraturan 15 (4): Lembaga boleh memotong nama orang berartikel daripada Daftar –

- (a) *setelah pembatalan dibuat di bawah subperaturan (3); atau*
- (b) *setelah namanya didaftarkan di bawah seksyen 9 Akta.”*

3.7 Pendaftaran sebagai Juruukur Tanah Berdaftar dengan LJT

Seorang juruukur Kerajaan atau pensyarah yang namanya telah dibatalkan sebagai orang berartikel di bawah KPUP dan telah memenuhi kesemua syarat yang dinyatakan dalam seksyen 9 *Akta 458* adalah layak didaftarkan sebagai Juruukur Tanah Berdaftar. Juruukur Kerajaan atau Pensyarah tersebut hendaklah mengemukakan borang seperti berikut melalui Ibu Pejabat JUPEM:

- (a) Jadual Pertama *P.U. (A) 309 / 2024 – Borang A*;
- (b) *Bayaran fi sebanyak RM250.00 seperti yang diperuntukkan dalam Jadual Kedua *P.U. (A) 309 / 2024*; dan
- (c) Membuat pengisytiharan dalam Jadual di subseksyen 9 (1) (c) *Akta 458*.

**Act 458 – 9(2) The name of any Government Surveyor who is otherwise eligible for registration under this section may be placed upon the Register without payment of the prescribed registration fee.*

“Permohonan Pendaftaran

Peraturan 3 (1): *Tiap-tiap orang yang layak didaftarkan di bawah subseksyen 9(1) Akta hendaklah memohon kepada Lembaga dalam borang sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama bersama dengan pembayaran fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.*

Peraturan 3 (2): *Selepas menerima permohonan untuk pendaftaran di bawah subperaturan(1), Lembaga hendaklah memutuskan permohonan itu dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh penerimaan permohonan itu.*

Peraturan 3 (3): *Tiap-tiap pemohon hendaklah diberitahu mengenai keputusan Lembaga secara bertulis dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh keputusan itu.*

Peraturan 3 (4): *Seorang juruukur Kerajaan yang namanya telah diletakkan dalam Daftar di bawah subseksyen 9(2) Akta ini hendaklah kekal dalam Daftar untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh dia tidak lagi menjadi seorang juruukur Kerajaan.*

Peraturan 3 (5): Selepas tamat tempoh yang diperuntukkan dalam subperaturan (4), Setiausaha hendaklah mengeluarkan nama juruukur Kerajaan itu daripada daftar sekiranya tiada permohonan lesen amalan dibuat olehnya di bawah Peraturan 4.”

4. KAEDAH PEMAKAIAN

Pekeliling ini hendaklan dibaca bersama-sama dengan Akta 458, Akta A1730 dan P.U. (A) 309 / 2024.

5. TARIKH BERKUATKUASA

Pekeliling Lembaga Jurukur Tanah Malaysia Bilangan 3 Tahun 2025 ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

6. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasa pekeliing ini, maka pekeliing Lembaga Jurukur Tanah Malaysia Bilangan 1 Tahun 2000 adalah dengan ini dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

'MALAYSIA MADANI'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' LSR HAZRI BIN HASSAN)

Pengerusi

Lembaga Jurukur Tanah

Malaysia

s.k.:

1. Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I
2. Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II
3. Pengarah Ukur Bahagian (Perancangan dan Korporat)

**BORANG PERAKUAN
KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA**

**AKTA JURUUKUR TANAH BERLESEN 1958
PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN 2011**

[Subperaturan 15A]

**PENDAFTARAN SEBAGAI ORANG BERARTIKEL
DI BAWAH KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA**

| A. BUTIR-BUTIR PERIBADI | |
|--------------------------------|---|
| Nama Penuh | : |
| Nama Jawatan / Gred | : |
| Nombor Kad Pengenalan | : |
| Bangsa | : |
| Agama | : |
| Alamat (Pejabat) | : |
| Alamat (Rumah) | : |
| Nombor Telefon Bimbit | : |

| B. KELAYAKAN AKADEMIK DAN PROFESIONAL | |
|--|--|
| 1. | |
| 2. | |
| 3. | |

| C. PENGESAHAN LANTIKAN | |
|---|---|
| Tarikh Lantikan (Juruukur Kerajaan / Pensyarah) | : |
| Tarikh Pengesahan Lantikan / Jawatan | : |

Nota Penting :

- Semua salinan sijil akademik / profesional, kad pengenalan, surat pelantikan dan surat pengesahan lantikan / jawatan yang disertakan bersama dengan Borang Perakuan ini hendaklah dibuat pengesahan oleh Pegawai Kerajaan dengan jawatan gred 9 dan ke atas SAHAJA yang dibenarkan dengan perakuan "Salinan Diakui Sah".
- Bayaran Fi Pendaftaran Artikel kepada Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) hendaklah dibuat melalui JomPAY sebanyak RM100.00 [Rujuk Jadual Kedua, PPJT2011].

D. PENGESAHAN PEGAWAI

Saya _____
Nombor Kad Pengenalan _____ mengesahkan
bahawa maklumat yang diberikan dalam borang ini adalah benar dan tepat.

.....
()
Tarikh:

E. PENGESAHAN PENGARAH UKUR BAHAGIAN/ PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN NEGERI/ KETUA JABATAN/ DEKAN

Saya _____
mengesahkan maklumat-maklumat yang dinyatakan dalam borang ini adalah betul.

.....
()
Tarikh:

F. PERAKUAN KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

Saya _____, **mengesahkan dan menyokong** bahawa pegawai yang dinyatakan di atas telah berkhidmat **sekurang-kurangnya dua (2) tahun sebagai *Juruukur Kerajaan/ Pensyarah** dan telah disahkan jawatan. Oleh yang demikian, saya memperakukan bahawa beliau adalah seorang yang sesuai dan layak untuk didaftarkan sebagai orang berartikel merujuk kepada Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011.

*potong mana yang berkenaan

.....
()
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia
Tarikh:

**BORANG PERMOHONAN
PENGIKTIRAFAN PENGALAMAN BAGI JURUUKUR KERAJAAN
DI JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA ATAU
LAIN-LAIN AGENSI KERAJAAN (KADER)**

| 1. MAKLUMAT PEGAWAI | |
|---|---|
| Nama Penuh | : |
| Nama Jawatan / Gred | : |
| Nombor Kad Pengenalan | : |
| Bangsa | : |
| Agama | : |
| Alamat (Pejabat) | : |
| Alamat (Rumah) | : |
| Nombor Telefon Bimbit | : |
| Kelulusan Akademik dan Profesional | : |
| Tarikh Lantikan | : |
| Tarikh pendaftaran sebagai orang berartikel | : |
| Lain-lain Peperiksaan LJT / RISM (jika ada) | : |

| 2. PENGALAMAN KERJA UKUR HAKMILIK | | | | |
|-----------------------------------|--|------------------------------|--|---|
| Bil. | Jawatan / Gred | Tarikh Memegang Jawatan | Tempoh Masa Perkhidmatan (Tahun dan Bulan) | Bidang Tugas / Catatan |
| 1. | Contoh: Penolong Pengarah Ukur J41 / J9 Cawangan Sistem Maklumat dan Pengurusan Kualiti, JUPEM Perak | 14.01.2008 hingga 01.11.2009 | 1 tahun 10 bulan | Bertanggungjawab kepada Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri dalam tugas: xxx |

| 3. PENGALAMAN KERJA UKUR GEOMATIK | | | | |
|-----------------------------------|---|------------------------------|--|--|
| Bil. | Jawatan / Gred | Tarikh Memegang Jawatan | Tempoh Masa Perkhidmatan (Tahun dan Bulan) | Bidang Tugas / Catatan |
| 1. | <p>Contoh:</p> <p>Penolong Pengarah Ukur J41 / J9 Seksyen Tadbir dan Urus dan Maklumat Geospacial di Bahagian (Pemetaan Topografi Sarawak)</p> | 01.04.2011 hingga 30.09.2013 | 3 tahun 6 bulan | <p>Bertanggungjawab kepada Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan Topografi Sarawak) berkaitan segala arahan dan tugas seperti berikut:</p> <p>xxx</p> |

4. DOKUMEN-DOKUMEN SOKONGAN

- i. Salinan Ijazah Sarjana Muda merujuk Jadual Ketujuh [PPJTB2011]
- ii. Salinan Kad Pengenalan
- iii. Salinan Pengesahan Lantikan sebagai Juruukur
- iv. Salinan Keputusan Peperiksaan Bahagian II – Peperiksaan Bertulis dalam Amalan Kadaster dan Ukur Geomatik

Nota Penting:

Semua salinan dokumen yang dilampirkan bersama borang ini hendaklah dibuat pengesahan oleh Pegawai Kerajaan dengan jawatan gred 9 dan ke atas SAHAJA yang dibenarkan dengan perakuan “**Salinan Diakui Sah**”.

5. PERAKUAN PEGAWAI

Saya akui bahawa semua maklumat yang dinyatakan dalam borang ini adalah benar dan telah disediakan oleh saya sendiri.

.....
()
Tarikh:

6. PENGESAHAN PENGARAH UKUR BAHAGIAN / PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN NEGERI / TIMBALAN KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN

Saya _____, dengan ini mengesahkan bahawa maklumat yang dinyatakan di atas adalah benar.

.....
()
Tarikh:

7. ULASAN DAN SOKONGAN KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

.....
()
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia
Tarikh:

**BORANG PERMOHONAN PENGIKTIRAFAN PENGALAMAN BAGI PENSYARAH
DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) ATAU MANA-MANA INSTITUT
YANG DIIKTIRAF LEMBAGA**

| 1. MAKLUMAT PEGAWAI | |
|---|---|
| Nama Penuh | : |
| Nama Jawatan / Gred | : |
| Nombor Kad Pengenalan | : |
| Bangsa | : |
| Agama | : |
| Alamat (Pejabat) | : |
| Alamat (Rumah) | : |
| Nombor Telefon Bimbit | : |
| Kelulusan Akademik dan Profesional | : |
| Tarikh Lantikan | : |
| Tarikh pendaftaran sebagai orang berartikel | : |
| Lain-lain Peperiksaan LJT / RISM (jika ada) | : |

2. PENGALAMAN KERJA UKUR HAKMILIK

| Bil. | Jawatan / Gred | Tarikh Memegang Jawatan | Tempoh Masa Perkhidmatan (Tahun dan Bulan) | Bidang Tugas / Catatan |
|-------------|--------------------------------------|------------------------------------|---|--------------------------------|
| 1. | Contoh: Pensyarah DS51 | 01.11.2021 hingga 19.07.2022 | 8 bulan | Mengajar dalam bidang Kadaster |

| 3. PENGALAMAN KERJA UKUR GEOMATIK | | | | |
|-----------------------------------|--------------------------------------|------------------------------------|--|--|
| Bil. | Jawatan / Gred | Tarikh Memegang Jawatan | Tempoh Masa Perkhidmatan (Tahun dan Bulan) | Bidang Tugas / Catatan |
| 1. | Contoh: Pensyarah DS51 | 15.08.2003 hingga 13.01.2008 | 4 tahun 5 bulan | Mengajar dalam bidang Sistem Maklumat Geografi (GIS) |

4. DOKUMEN-DOKUMEN SOKONGAN

- i. Salinan Ijazah Sarjana Muda merujuk Jadual Ketujuh [PPJTB2011]
- ii. Salinan Kad Pengenalan
- iii. Salinan Pengesahan Lantikan sebagai Juruukur
- iv. Salinan Keputusan Peperiksaan Bahagian II – Peperiksaan Bertulis dalam Amalan Kadaster dan Ukur Geomatik

Nota Penting:

Semua salinan dokumen yang dilampirkan bersama borang ini hendaklah dibuat pengesahan oleh Pegawai Kerajaan dengan jawatan gred DS11 dan ke atas SAHAJA yang dibenarkan dengan perakuan "**Salinan Diakui Sah**".

5. PERAKUAN PEGAWAI

Saya akui bahawa semua maklumat yang dinyatakan dalam borang ini adalah benar dan telah disediakan oleh saya sendiri.

.....
()
Tarikh:

6. PENGESAHAN DEKAN ATAU KETUA JABATAN

Saya _____, dengan ini mengesahkan bahawa maklumat yang dinyatakan di atas adalah benar.

.....
()
Tarikh:

7. ULASAN DAN SOKONGAN KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

.....
()
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia
Tarikh:

BORANG PERMOHONAN

**AKTA JURUUKUR TANAH BERLESEN 1958
PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN 2011**

[Peraturan 15]

**PEMBATALAN SEBAGAI ORANG BERARTIKEL
DI BAWAH KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA**

| A. BUTIR-BUTIR PERIBADI | |
|--------------------------------|---|
| Nama Penuh | : |
| Nama Jawatan / Gred | : |
| Nombor Kad Pengenalan | : |
| Bangsa | : |
| Agama | : |
| Alamat (Pejabat) | : |
| Alamat (Rumah) | : |
| Nombor Telefon Bimbit | : |
| Justifikasi Pembatalan | : |

.....
(Tandatangan dan Cop Rasmi Pegawai)
Tarikh:

**B. ULASAN DAN PERAKUAN KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
MALAYSIA**

.....
(
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia
Tarikh: